

# PM: Melayu mesti

UM 22 JUN 2000

Daripada OTHMAN MOHAMAD

**K**AHERAH 21 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ketuanan Melayu tidak boleh dikekalkan dengan sekadar jaminan Perdana Menteri mesti daripada kalangan orang Melayu.

Perdana Menteri sebaliknya menegaskan ia hanya boleh dipertahankan jika orang Melayu sendiri berusaha menjadi kaum terkuat di Malaysia.

Sambil menjelaskan tiada peruntukan dalam Perlembagaan bahawa bukan Melayu tidak boleh menjadi Perdana Menteri, Dr. Mahathir berkata: "Kalau kita (Melayu) menjadi pengemis, kita masih boleh memanggil diri kita tuan tetapi ia tiada makna apa-apa."

"Jadi ketuanan itu datang daripada kekuatan orang

Melayu dan kalau orang Melayu hendak mengekalkan ketuanan mereka, ia bukan boleh dijamin dengan berkata Perdana Menteri mestilah Melayu.

"Ia hanya boleh dijamin dengan berusaha menjadi kaum terkuat di negara kita. Daripada segi pelajaran, penguasaan ilmu, teknologi, perniagaan dan sebagainya," katanya kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pelbagai reaksi berhubung kenyataannya bahawa orang Cina dan India akan menjadi Perdana Menteri satu hari nanti iaitu apabila masyarakat Malaysia tidak lagi dibelenggu isu perkauman.

Semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA di Kuala Lumpur, minggu lalu, Dr. Mahathir

## jadi kaum terkuat

berkata bahawa Perlembagaan Malaysia juga tidak membataskan bahawa jawatan Perdana Menteri hanya disandang oleh orang Melayu sahaja.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir memberitahu, beliau bercakap mengenai realiti, bukannya emosional atau sekadar sentimen sahaja apabila menyentuh soal ketuanan Melayu.

Katanya, banyak orang lain bercakap sentimen sahaja mengenai ketuanan Melayu, tetapi "apa maknanya ketuanan jika sekadar mencuci kasut orang."

Dr. Mahathir menjelaskan, dalam ucapannya tempoh hari, beliau menekankan bahawa orang bukan Melayu hanya boleh menjadi Perdana Menteri jika ia diterima oleh rakyat Malaysia yang majoritinya Melayu.

"Kalau sampai satu masa orang Melayu sanggup menerima orang bukan Melayu sebagai Perdana Menteri, kita tidak boleh menghalangnya sebab ia pilihan orang Melayu sendiri.

"Tetapi kalau orang Melayu menjadi terlalu lemah, miskin, pengemis, meminta sedekah kepada orang lain dan mereka dibeli dengan duit supaya menyokong bukan Melayu, pada ketika itu mungkinlah orang bukan Melayu akan memegang jawatan," katanya.

Beliau menambah sebenarnya ia terpulang kepada orang Melayu sendiri sama ada mahu ataupun tidak perubahan tersebut.

"Jika ia terlalu taksuf sangat dengan wang, orang sogok wang sahaja bangsa pun dijual. tak usahlah ada Perlembagaan. Dia akan jadi hamba dan bukan tuan dalam negaranya sendiri." —*Utusan*